From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: KERJA SOSIAL PERLU BERALIH DARIPADA BUDAYA BANTUAN KEPADA PEMERKASAAN KOMUNITI
Date: Friday, 4 September, 2026 3:57:22 PM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

4 SEPTEMBER 2026 / 22 RABIULAWAL 1448H
==========

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

KERJA SOSIAL PERLU BERALIH DARIPADA BUDAYA BANTUAN KEPADA PEMERKASAAN KOMUNITI



UUM ONLINE: Kerja sosial tidak seharusnya terhenti pada pemberian bantuan kepada golongan yang memerlukan, sebaliknya perlu bergerak lebih jauh dengan membina keupayaan komuniti untuk bangkit, berdikari dan saling membantu secara berterusan.

Demikian mesej utama yang diketengahkan Pengerusi Eksekutif Yayasan Raja Shamri / CEO Fakulti, Raja Shamri Raja Husin menerusi ucaptama beliau bertajuk Humanitarian Leadership in Action: Building Social Cohesion through Community Empowerment and Digital Humanitarianism bersempena Persidangan Kerja Sosial Kebangsaan (PESAN) 3 2026 di EDC-UUM, Universiti Utara Malaysia (UUM), semalam.

Menurutnya, terdapat perbezaan besar antara membantu seseorang untuk keluar daripada kesusahan buat sementara waktu dengan membina keupayaan mereka untuk mengubah kehidupan sendiri dalam jangka panjang.



“Memberikan sebuah keluarga makanan untuk sehari ialah bantuan. Tetapi membantu keluarga itu mempunyai sumber pendapatan supaya mereka mampu memberi makan kepada keluarganya untuk bertahun-tahun, itu ialah pemerkasaan,” katanya.

Beliau turut memberikan perspektif sama dalam konteks bencana, dengan menjelaskan bahawa menyediakan rumah kepada mangsa merupakan satu bentuk bantuan, manakala membina komuniti yang lebih bersedia menghadapi bencana seterusnya merupakan usaha membentuk ketahanan komuniti.

Begitu juga, menggerakkan sukarelawan membantu mangsa banjir merupakan manifestasi kemanusiaan, namun membina ekosistem yang membolehkan masyarakat sentiasa bersedia membantu antara satu sama lain adalah asas kepada kohesi sosial.

Masalah sosial tidak mampu diselesaikan seorang diri

Raja Shamri berkata, pengalaman lebih sedekad di lapangan mengajarnya bahawa masalah sosial tidak boleh diselesaikan oleh seorang individu atau satu organisasi sahaja.



Sebaliknya, penyelesaian memerlukan penggemblengan kekuatan pelbagai pihak termasuk komuniti, sukarelawan, badan bukan kerajaan (NGO), sektor korporat, akademia dan kerajaan.

Beliau berkata, pengalaman menggerakkan The 3rd Force bermula daripada keyakinan bahawa masyarakat sebenarnya mahu membantu, walaupun ketika itu beliau tidak mempunyai organisasi yang besar, sistem yang canggih mahupun sumber kewangan yang banyak.

“Persoalannya cuma satu, bagaimana kita menghubungkan mereka dengan orang yang memerlukan?” katanya sambil menjelaskan bahawa persoalan itu menjadi titik permulaan perjalanan beliau dalam dunia kemanusiaan.

The 3rd Force kemudiannya dibangunkan sebagai sebuah gerakan yang mahu menjadi jambatan antara mereka yang mempunyai kemampuan dengan mereka yang mempunyai keperluan, berteraskan kepercayaan, tindakan dan kemanusiaan secara kolektif.



Komuniti bukan penerima bantuan, tetapi rakan penyelesaian

Raja Shamri turut menyeru pengamal kerja sosial supaya mengubah cara melihat komuniti daripada sekadar penerima bantuan kepada rakan kongsi dalam penyelesaian masalah.

Katanya, komuniti mempunyai pengalaman, pengetahuan dan penyelesaian tersendiri yang perlu dihargai, justeru pendekatan kerja sosial perlu beralih daripada doing for kepada doing with.

Apabila komuniti menjadi sebahagian daripada proses penyelesaian, katanya, rasa memiliki akan terbentuk dan seterusnya meningkatkan kemungkinan sesuatu usaha itu dapat dikekalkan dalam jangka panjang.

Beliau turut memperkenalkan Social Capital Model yang melihat kekuatan komuniti melalui gabungan pengetahuan, kemahiran, masa, jaringan, sumber kewangan dan sifat belas ihsan. Kesemua elemen itu, apabila dihubungkan dengan baik, mampu memperkukuh keupayaan komuniti untuk bertindak dan menghasilkan perubahan yang lebih bermakna.



Kepimpinan kemanusiaan bermula dengan tujuan dan kepercayaan

Dalam ucaptama itu, Raja Shamri turut mengetengahkan Raja Shamri Humanitarian Leadership Framework yang menggariskan tujuh tonggak kepimpinan kemanusiaan iaitu purpose, trust, community, mobilisation, collaboration, technology dan empowerment.

Menurutnya, kepimpinan kemanusiaan bukan tentang bertanya “apa yang saya boleh dapat?”, tetapi “apa yang saya boleh lakukan?” dan lebih penting, “siapa lagi yang boleh kita gerakkan untuk melakukan sesuatu bersama-sama?”

Katanya, kepimpinan kemanusiaan ialah keupayaan membuat manusia percaya bahawa mereka juga mempunyai kuasa untuk mencetuskan perubahan.

Dalam konteks itu, kepercayaan menjadi asas tindakan sosial, malah menurut beliau, kepercayaan mengambil masa bertahun-tahun untuk dibina tetapi hanya beberapa saat untuk musnah. Justeru, integriti bukan sekadar pelengkap dalam kerja sosial, sebaliknya merupakan “infrastruktur” yang menyokong keseluruhan usaha kemanusiaan.



Teknologi perlu mempercepatkan, bukan menggantikan, kemanusiaan

Mengulas masa depan kerja sosial, Raja Shamri berkata perkembangan media sosial, data, kecerdasan buatan (AI) dan teknologi membuka ruang baharu untuk memperluas capaian serta mempercepatkan tindakan kemanusiaan.

Namun, teknologi perlu digunakan sebagai pengganda impak, bukannya menggantikan sentuhan manusia dan nilai kemanusiaan.

Beliau merumuskan lima pengajaran utama daripada 11 tahun pengalaman di lapangan iaitu masyarakat mahu membantu, kepercayaan mampu menggerakkan manusia, kepantasan amat penting ketika krisis, teknologi memperkuat tindakan dan pemerkasaan mewujudkan kelestarian.



Bagi Raja Shamri, kerja sosial pada masa hadapan perlu menyatukan kemanusiaan, kepimpinan, teknologi dan kekuatan komuniti bagi memastikan intervensi yang dilakukan bukan sahaja menyelesaikan masalah hari ini, tetapi membina masyarakat yang lebih berdaya tahan untuk menghadapi cabaran akan datang.

Beliau yang berkongsi pengalaman peribadinya membesar sebagai individu yang dilahirkan tanpa kaki kanan turut menegaskan bahawa kesukaran, kegagalan dan kekurangan boleh menjadi sumber empati serta tujuan untuk memberi manfaat kepada orang lain.

Mengakhiri ucaptamanya, beliau menitipkan pesan yang cukup dekat dengan roh kerja sosial dan kemanusiaan: *“We may not be able to help everyone. But we can always help someone.”*

Katanya, manusia mungkin tidak dikenang berdasarkan jawatan yang pernah disandang, tetapi melalui kehidupan yang pernah disentuh dan perubahan yang pernah dicetuskan.



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.